

# **PERSOALAN PEWARISAN KUASA MENURUT AL-QURAN: ANALISIS POLITIK DUNIA ISLAM HARI INI**

**Oleh: Mansor Bin Sulaiman (UMP)**

## **Abstrak**

Tulisan ini cuba untuk meninjau keadaan politik dunia Islam hari ini yang dilihat berada dalam keadaan yang lemah berbanding saingan mereka iaitu barat (bukan Islam) dan sekutunya. Untuk itu, tulisan ini akan meneliti nas berkaitan dengan pewarisan kuasa (*warathat al-ard*) dengan menjadikan ayat 105, surah al-Anbiya' sebagai asas kepada penelitian tersebut. Seterusnya keadaan semasa politik Islam ini akan dianalisis berdasarkan nas di atas beserta beberapa nas yang lain. Di akhir tulisan ini, penulis akan cuba mengemukakan perkara yang diperlukan oleh dunia Islam hari ini sepertimana yang dianjurkan oleh nas berkenaan pewarisan kuasa ini. Akhirnya diharapkan tulisan ini dapat memberikan panduan kepada umat Islam khususnya di Malaysia dalam mendepani cabaran politik dunia hari ini.

Kata kunci: Pewarisan kuasa, politik, tafsir, al-Quran

## **PENDAHULUAN**

Persoalan kuasa merupakan antara perkara yang banyak ditekankan dalam al-Quran. Bahkan kisah sejarah di dalam al-Quran sarat dengan tema berkaitan kuasa. Antaranya kisah manusia pertama iaitu Adam yang diulang beberapa kali dalam al-Quran, kebanyakannya adalah berkisar berkenaan kisah pemberian kuasa dengan istilah *khalifah* kepada baginda. Ia seterusnya diikuti dengan pertembungan dengan pihak yang iri hati dengan kekuasaan tersebut iaitu Iblis sehingga membawa kepada pertembungan yang berterusan dan tidak berkesudahan sehingga hari kiamat. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan satu juzuk daripada persoalan kuasa ini, iaitu pewarisan kuasa sepertimana yang diketengahkan al-Quran. Seterusnya dikaitkan dengan analisis terhadap politik dunia Islam hari ini.

## **KONSEP KUASA MENURUT ISLAM**

Terdapat banyak perkataan yang menggambarkan maksud kuasa di dalam al-Quran. Walaupun begitu dalam tulisan ringkas ini penulis hanya mengutarakan salah satu sahaja

iaitu perkataan *khalifah* atau *khilafah*. Menurut Dr. Abdul Rahman<sup>1</sup>, *khalifah* bermaksud manusia sebagai naib atau makhluk yang diamanahkan untuk menjalankan tugas mentadbir mengikut suruhan dan acuan yang dikehendaki oleh pemilik alam ini iaitu Allah. Ia bermaksud bahawa manusia sebagai makhluk yang dimuliakan Allah dengan tugas *khalifah* ini tidak boleh bertindak sesuka hati tanpa menghiraukan cara hidup yang telah ditentukan Allah dalam mengimarahkan dunia dan isinya. Sebarang pembangunan atau tindakan termasuk dalam aspek politik perlu ada hubungan yang erat antara manusia dengan Allah dan alam. Apabila hubungan ini diputuskan serta melanggar batas-batas yang sepatutnya seperti mencuaikan amanah dan tanggungjawab tidak akan terlepas begitu sahaja menurut ketentuan Allah. Bahkan al-Quran menjelaskan kemurkaan Allah di sebalik penyelewengan tersebut menerusi nas yang menjelaskan berkenaan kejatuhan dan kehancuran yang pernah dihadapi oleh generasi terdahulu yang mencuaikan amanah kuasa ini. Firman Allah:

قد خلت من قبلكم سنن فسيروا في الارض فانظروا كيف كان عاقبة المكدين

Maksudnya:

“Sesungguhnya telah berlalu sebelum kamu sunnah-sunnah Allah; kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul)”<sup>2</sup>

(al-Quran; Ali Imran: 137)

Oleh kerana itu, sebahagian nas-nas al-Quran berkenaan *Khalifah* atau *khilafah* ini didatangkan dalam bentuk menunjukkan bahawa *khalifah* dengan maksud kuasa ini dikhususkan kepada golongan tertentu, iaitu golongan yang menepati acuan yang dikehendaki al-Quran itu sendiri. Antara contoh yang boleh dikemukakan ialah ia didatangkan dalam bentuk penjelasan berkenaan anugerah *Khilāfah* kepada golongan beriman tertentu seperti di kalangan kaum nabi Nuh<sup>3</sup>, kaum ‘Ad yang diutuskan Hūd kepada mereka dan generasi di kalangan kaum Nuh<sup>4</sup> dan kaum Thamūd<sup>5</sup> selepas golongan yang pernah menerimanya sebelum itu dihancurkan. Anugerah *khilāfah* kepada individu pula, ayat-ayat berkaitan hanya menyentuh dua individu sahaja iaitu Adam<sup>6</sup> dan Dāwud<sup>7</sup>. Secara umumnya ayat-ayat ini juga menyentuh berkaitan syarat-syarat dan kelayakan penganugerahan *Khilāfah* itu sendiri sepertimana pendekatan yang sama dalam ayat-ayat yang menyentuh berkenaan janji *Khilāfah* yang ditawarkan Allah kepada manusia<sup>8</sup>.

<sup>1</sup> Rujuk perbincangan tentang maksud *khalifah* dalam Dr. Abdul Rahman Ibn Ibrahim al Matrudi. 1990, *Al Insan: Wujuduhu Wa Khilafatuhu Fi al Ard Fi Dau’ al Quran al Karim*, Cet. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah. Kaherah : 341.

<sup>2</sup> Al-Razi (Tafsir al-Kabir; Jilid 5. juz 9: 11) menyatakan bahawa kebanyakan mufassir berpendapat bahawa sunnah yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah sunnah kehancuran berdalilkan firman Allah bermaksud “dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul)”

<sup>3</sup> Sūrah Yūnus, ayat 73

<sup>4</sup> Sūrah al-A‘rāf, ayat, 69

<sup>5</sup> Sūrah Hūd, ayat, 58

<sup>6</sup> Sūrah al-Baqarah: 30-33

<sup>7</sup> Sūrah Šād: 26

<sup>8</sup> Antaranya dalam Sūrah al-Nūr, 55, Sūrah Yūnus, 13-14.

Selain itu, al-Quran turut menjelaskan asas-asas yang perlu dihayati oleh mereka yang diberikan kuasa. Antaranya al-Quran mengemukakan konsep penggunaan kuasa secara seimbang antara keperluan kebendaan dan *ma<sup>c</sup>nawī* (aspek rohani). Menerusi *manhāj* ini, manusia mampu untuk melaksanakan tanggungjawab *khilāfah* yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan baik. Firman Allah:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ

وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

(al-Qurān; al-Qaṣaṣ: 77)

Maksudnya:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan”

Disebabkan itu, kisah-kisah sejarah yang diutarakan al-Qurān tidak sunyi daripada penjelasan berkenaan para nabi dan rasul sebagai pemberi peringatan kepada penguasa dan masyarakat pada masa dan tempat tertentu. Dalam masa yang sama, al-Qurān juga menjelaskan peranan para rasul dalam aspek kebendaan yang diperlukan dalam pengukuhan aspek politik berkaitan dengan keperluan duniawi. Antaranya Nūh, merupakan pakar dalam penggunaan besi dan kayu dalam pembinaan kapal<sup>9</sup>, Nabi Ibrāhīm dan Nabi Ismā'il dijelaskan sebagai pakar dalam ilmu pembinaan<sup>10</sup>, Nabi Dāwūd mempunyai keupayaan dalam melembutkan besi, menempa bahan galian dan membina perkakasan perang<sup>11</sup>, Nabi Yūsuf terkenal dengan kehebatan dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi<sup>12</sup> dan kisah kehebatan pencapaian tamadun Nabi Sulaimān yang bukan sahaja menguasai tamadun manusia tetapi juga boleh menguasai makhluk-makhluk selain manusia<sup>13</sup>. Kesemua nama Nabi yang disebutkan ini merupakan tokoh-tokoh besar dalam aspek kuasa politik pada zaman mereka. Selain itu, al-Qurān juga menjelaskan bahawa tempat-tempat yang diutuskan Nabi dan Rasul merupakan pusat-pusat utama kekuasaan politik negara pada zaman tersebut berdasarkan kajian dan tinggalan-tinggalan sejarah yang masih dapat dilihat hari ini. Perkara ini telah disentuh oleh Muhammad Haishūr (1997: 65) dalam tulisannya dengan menyatakan bahawa pemilihan kota sebagai tempat melancarkan gerakan dakwah para nabi merupakan perkara yang besar dalam sejarah dakwah Islāmiyah. Dalam masa yang sama, al-Qurān turut mengemukakan kisah pertembungan golongan tertentu dengan para Nabi dan Rasul. Antaranya dikemukakan kisah pertembungan antara para rasul dengan golongan *al-mala'* iaitu golongan penasihat

<sup>9</sup> Sūrah Hūd, ayat 37 hingga 38 dan ayat ke 41

<sup>10</sup> Sūrah al-Baqarah, ayat 127

<sup>11</sup> Sūrah al-Anbiyā', ayat 80 dan Sūrah Saba', ayat 10

<sup>12</sup> Sūrah Yūsuf, ayat 55

<sup>13</sup> Sūrah al-Naml, ayat 44

yang berada disekeliling pemerintah atau raja dan golongan *mutrafūn*<sup>14</sup>. Kebanyakan *al-Mala'* yang disebutkan al-Qurān adalah golongan yang tidak baik, hanya sedikit sahaja golongan *al-Mala'* yang baik disebutkan. Ini dapat dilihat menerusi pendirian mereka yang tidak adil terhadap seruan kebenaran sepertimana yang dijelaskan al-Qurān. Antaranya pendirian *al-Mala'* pada zaman Nabi Nūh<sup>15</sup>, *al-Mala'* di kalangan kaum Ad pada zaman Nabi Hūd<sup>16</sup>, *al-Mala'* di kalangan kaum Thamūd pada zaman Nabi Ṣāliḥ<sup>17</sup>, *al-Mala'* di kalangan kaum Nabi Syu'ayb<sup>18</sup> dan *al-Mala'* yang bersama Firaun<sup>19</sup>. Selain pendirian *al-Mala'*, al-Qurān juga banyak menyebut pertembungan antara para rasul dengan *al-Mutrafūn*<sup>20</sup>.

Berdasarkan perkara di atas, ia menunjukkan bahawa kuasa dalam bentuk politik merupakan antara perkara yang besar dalam Islam sehingga banyak disentuh oleh dalam pelbagai bentuk. Ia secara tidak langsung sebagai isyarat bahawa umat Islam tidak boleh bersikap acuh tidak acuh dalam persoalan kuasa dalam bentuk politik ini. Malahan isyarat yang ditunjukkan al-Quran menunjukkan bahawa perutusan para Nabi dan Rasul juga antaranya ialah bagi meletakkan kuasa kepada mereka yang selayaknya, iaitu mereka yang berupaya menegakkan agama sebagai panduan utama dalam kehidupan.

## TANGGUNGJAWAB KUASA DALAM ISLAM

Kuasa dalam Islam bukanlah suatu kemasyhuran tetapi sebaliknya adalah merupakan amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah pada hari pembalasan. Perkara ini boleh difahami menerusi nas-nas berkenaan *khalifah* yang telah dibincangkan di atas. Antara amanah tersebut adalah menegakkan agama Allah dalam erti kata yang sebenar meliputi dalam aspek individu, keluarga dan negara. Tanpa kuasa, seseorang boleh melaksanakan agama Allah hanya dalam ruang yang terbatas iaitu dalam lingkungan diri dan keluarga, tetapi tidak berupaya untuk melaksanakan agama Allah dalam konteks negara. Walaupun begitu, hakikatnya keupayaan seseorang dalam lingkungan diri dan keluarga juga terbatas disebabkan banyak perkara-perkara dalam kehidupan yang mempunyai hubungan langsung dengan negara. Sebagai contohnya, dalam aspek berpakaian, seseorang itu mungkin boleh memelihara diri dan keluarga beliau dengan menghayati etika berpakaian secara Islam, tetapi beliau tidak berupaya untuk memastikan masyarakat di sekeliling menghayati dan menghormati etika tersebut sepertimana yang dikehendaki oleh Allah. Begitu juga beliau mungkin berupaya untuk menjauhi diri daripada menjalankan urusan *ribawi* tetapi beliau tidak berupaya untuk menghalang syarikat tempat beliau bekerja, kedai tempat beliau membeli barangan makanan dan pakaian, bahkan negara yang beliau menjadi

---

<sup>14</sup> *Mutrafūn* dihuraikan oleh Sayyid Qutb sebagai golongan pembesar yang hidup dalam kemewahan sehingga melampaui batasan dengan melakukan amalan-amalan fasiq seterusnya melakukan kerosakan di mukabumi. (Alī Mūhammad Mūhammad al-Ṣallābī (1998), *Fiqh al-Tamkīn 'Inda Daulah al-Murābitīn*, 'Ammān: Dār al-Bayariq Li al-Nashr, h. 284.

<sup>15</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 60

<sup>16</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 66

<sup>17</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 65 hingga 66

<sup>18</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 88

<sup>19</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 127

<sup>20</sup> Antaranya dalam Sūrah Saba', ayat 34

warganegara daripada interaksi ini. Menerusi keadaan seperti ini, tujuan syariat diturunkan tidak dapat dirasai oleh masyarakat walaupun segelintir daripada mereka melaksanakan Islam dalam diri dan keluarga mereka. Oleh kerana itu, para ulama Islam bersepakat bahawa kuasa dalam Islam adalah bertujuan untuk menegakkan agama Allah. Perkara ini boleh dilihat menerusi kenyataan al-Imam al-Mawardi yang menyatakan bahawa persoalan perlantikan ketua negara adalah sebagai pengganti Nabi (*khilafah al-Nubuwwah*) dalam urusan memelihara agama dan menguruskan dunia. Beliau menyebutkan bahawa perlantikan ini adalah merupakan suatu yang wajib secara ijma'<sup>21</sup>. Perkara ini diperkuatkan dengan pandangan Farid Abd al-Khaliq (1998: 11) yang menyatakan bahawa setiap apa yang didatangkan oleh al-Quran dan al-Sunnah daripada hukum-hukum bersifat *dusturiyah* (perundangan) dan asas-asas politik merupakan perkara yang wajib dilaksanakan oleh sesebuah negara.

Tanggungjawab dan amanah yang besar pada kuasa menurut Islam ini menunjukkan juga bahawa tidak semua orang boleh memegangnya tanpa sebarang tapisan. Bahkan nas-nas serta pandangan-pandangan ulama terbitan daripada nas-nas tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat syarat-syarat tertentu kepada pemegang kuasa dalam Islam, khususnya kuasa dalam bentuk politik kenegaraan. Perkara ini turut dihuraikan dengan panjang lebar dalam tulisan-tulisan berkenaan politik dan kekuasaan dalam Islam seperti dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah* karangan al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyah*, karangan Abu Ya'la, *al-Siyasah al-Shar'iyah*, karangan Ibnu Taimiyyah dan sebagainya. Sebagai contohnya al-Mawardi<sup>22</sup> telah mengemukakan 7 syarat utama dalam perlantikan seorang *khalifah* iaitu, pertama, adil. Adil di sini bermaksud bahawa seorang *khalifah* itu mestilah seorang yang mempunyai peribadi yang istiqamah dengan tidak terlibat dengan sebarang kegiatan-kegiatan bersifat fasiq dan fujur, sebagaimana bukan merupakan seorang yang zalim dan pengkhianat. Kedua, memiliki ilmu yang boleh sehingga berijtihad terhadap hukum-hakam dan isu-isu semasa. Ketiga, pancaindera yang sejahtera. Keempat, anggota tubuh yang sempurna sehingga berupaya melakukan pergerakan dengan baik dan tangkas. Kelima, pemikiran yang tajam sehingga mampu berpolitik dan menguruskan *maslahah* umum. Keenam, berani sehingga berupaya berjihad. Akhir sekali, ketujuh, nasab daripada suku Quraisy<sup>23</sup>. Manakala Ibnu Taimiyyah (1993: 28-31) pula telah turut memberikan ciri-ciri dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh kepimpinan yang dilantik oleh pemerintah seperti gabenor, menteri dan sebagainya. Beliau menyebutkan bahawa menjadi tanggungjawab pemerintah untuk melantik pemimpin-pemimpin yang terbaik (*aslah*). Manakala maksud *aslah* ini pula adalah merujuk kepada mereka yang *aslah* untuk melaksanakan maksud kuasa tersebut iaitu mengislahkan urusan agama dan dunia manusia yang berada di bawah kekuasaan pemerintah tersebut.

Secara umumnya penjelasan di atas menunjukkan bahawa tanggungjawab kuasa dalam Islam bukan sekadar berlegar dalam lingkungan kehendak manusia tanpa sebarang campurtangan pencipta kepada manusia, iaitu Allah. Bahkan ia menunjukkan bahawa

---

<sup>21</sup> al-Mawardi. *Al-Ahkam al-Sultaniyah* li al-Mawardi. <http://shamela.ws/browse.php/book-22881>. Ms: 15/ Juz: 1. Tarikh site: 17-09-2013.

<sup>22</sup> *Ibid*, 1: 19.

<sup>23</sup> Syarat yang ketujuh ini mempunyai perbincangan yang panjang di kalangan para ulama. Secara umumnya ia memberi maksud bahawa mesej daripada syarat ini merujuk kepada bangsa yang paling dominan di sesuatu tempat dan pada zaman yang berkenaan.

kuasa merupakan suatu yang mempunyai hubungan secara langsung dengan Allah menerusi pertalian amanah yang dipertanggungjawabkan kepada pemegang kuasa di kalangan manusia di dunia ini. Dalam erti kata lain, kuasa merupakan *wasilah* yang diberikan Allah kepada manusia untuk menegakkan agamaNya. Ia juga memberikan pengertian bahawa kuasa tidak boleh terpisah daripada agama Allah itu sendiri. Begitu juga mereka yang memegang kuasa perlulah merupakan seorang yang mempunyai hubungan yang kuat dengan agama Allah ini.

## KONSEP PEWARISAN KUASA MENURUT ISLAM

Terdapat banyak nas berkenaan persoalan pewarisan dunia kepada golongan yang sepatutnya sehinggalah sesetengah pengkaji menyimpulkan ia sebagai salah satu sunnah Allah dengan istilah '*sunnah warathat al ard*'<sup>24</sup>. Antara nas berkaitan persoalan ini ialah firman Allah:

ولقد كتبنا في الزبور من بعد الذكر ان الأرض يرثها عبادي الصالحون

Maksudnya:

“Dan sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Lauh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaKu yang soleh.”

(al-Qurān; al-Anbiya': 105)

Ibnu Abbas menyatakan bahawa nas di atas bermaksud bahawa Allah telah menyatakan di dalam Taurat dan Zabur bahawa dunia yang dikuasai oleh golongan kafir akan diwarisi dan seterusnya dikuasai oleh golongan beriman menerusi pembukaan (kerajaan) demi pembukaan (al-Qurtubi, 1987, jil. 11: 349). Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan ketentuan Allah yang pasti iaitu penganugerahan kesenangan di dunia dan akhirat kepada hambaNya yang soleh. Maksud yang sama seperti nas di atas boleh ditemui dalam banyak ayat lain dalam al-Qurān antaranya seperti firman Allah dalam surah al-Nur, ayat 55, surah al-A'raf, ayat 128 dan surah Ghafir, ayat 51 (Ibnu Kathir, 1991, jil. 3: 222).

Berhubung 'hamba Allah yang soleh' (عبادي الصالحون) ini, kebanyakan para ulama mentafsirkannya sebagai golongan beriman dan beramal soleh dalam pengertiannya yang luas. Antaranya Said Qutb menyatakan bahawa ayat ini menerangkan sunnah pewarisan dunia yang ditentukan Allah iaitu pewarisan sebenar hanyalah untuk golongan soleh yang bercirikan iman dan amal soleh. Seterusnya beliau menyatakan bahawa walaupun kadangkala dunia dikuasai oleh golongan-golongan zalim dan penjahat, ia hanya merupakan cabaran-cabaran sebelum berlaku pewarisan yang sebenar (Said Qutb, 1992, jil. 4: 2400). Muhammad Haishūr pula menyatakan bahawa nas di atas menunjukkan sunnah

<sup>24</sup> Antaranya disebutkan dalam ayat 13 dan 14, Sūrah Ibrahim.

Allah yang menentukan bahawa dunia akan diwarisi oleh golongan beriman dan beramal soleh dengan syarat mereka menepati *sunnah al-Islah* iaitu melakukan keadilan dan *istiqamah* serta menghayati akhlak sabar. Sunnah ini berlaku apabila golongan yang memiliki kekuasaan di dunia hancur setelah kehilangan kelayakan sebagai peneraju tamadun dunia dan seterusnya digantikan dengan umat yang menepati ciri-ciri yang disebutkan di atas. Berhubung perkara ini, al-Qurān telah memberikan contoh berkenaan pewarisan tamadun ini menerusi kisah pewarisan tamadun Firaun kepada bani Israel yang mengikuti ajaran Nabi Musa dalam beberapa ayat dalam al-Qurān. Antaranya firman Allah:

واورثنا القوم الذين استضعفون مشارق الأرض ومغاربها التي باركنا فيها وتمت كلمة ربك على بني اسرائيل بما صبروا ودمرنا ما كان يصنع فرعون وقومه وما كانوا يعرشون

Maksudnya:

“Dan Kami pusakakan kepada kaum yang telah ditindas itu, negeri-negeri bahagian timur bumi dan bahagian baratnya yang telah kami beri berkah padanya. Dan telah sempurnalah perkataan Tuhanmu yang baik (sebagai janji) untuk Bani Israel disebabkan kesabaran mereka. Dan Kami hancurkan apa yang telah dibuat Firaun dan kaumnya dan apa yang telah dibangun mereka.”

(al-Qurān; al A'raf: 137)

Nas di atas menunjukkan berkenaan keadaan Bani Israel yang merupakan golongan tertindas dan lemah pada peringkat awalnya sebelum diberikan anugerah pewarisan ini. Walaupun begitu, Al-Qurtubī menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan Bani Israel mewarisi tamadun Firaun bukan disebabkan mereka sebagai golongan lemah dan telah lama berada dalam penindasan Firaun, tetapi adalah disebabkan kesabaran mereka (al-Qurtubi, 1987: Jil. 7: 272). Iaitu kesabaran dalam menghadapi tekanan daripada kejahatan pemerintah serta kesabaran dalam mentaati ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Musa. Ia menunjukkan bahawa walaupun secara zahir dilihat sebagai kaum yang lemah, tetapi mereka mempunyai ciri-ciri kekuatan yang melayakkan untuk mengambil alih penguasaan tamadun pada ketika itu. Ciri kekuatan mereka menurut Said Qutb (1992, jil. 3: 1360) adalah kemampuan bersabar itu sendiri yang hanya mampu dipikul oleh orang yang kuat. Manakala di pihak Firaun pula, mereka telah hilang kelayakan untuk meneruskan penguasaan dunia walaupun pada ketika itu telah mencapai tahap tamadun kebendaan yang hebat. Ini adalah disebabkan kerajaan dan masyarakat mereka pada ketika itu telah dikuasai ciri-ciri manusia yang rosak seperti kezaliman, syirik, melampaui batasan dan sebagainya sehingga berkeleyakan untuk menghadapi *sunnah al-'Iqab* (kehancuran) daripada Allah<sup>25</sup>.

Selain daripada itu, al-Qurān juga menunjukkan di sebalik sunnah ini bagaimana Musa yang diutuskan kepada Bani Israel telah terlebih dahulu membimbing Bani Israel ke arah ciri-ciri manusia yang mampu untuk keluar daripada cengkaman pemerintah yang zalim dan seterusnya keluar sebagai umat yang merdeka dan mampu berdikari. Ia menunjukkan

<sup>25</sup> *Tanwir al Miqbas min Tafsiir Ibnī Abbas*, 1987, Lubnan: Dār al-Kutub al Ilmiyyah, h. 418.

bahawa untuk menjadi umat yang mampu menguasai tidak cukup hanya sekadar dengan iman dalam lingkungan akal sahaja tetapi ia perlu lebih daripada itu, iaitu dengan menghayati dan melakukan amalan-amalan dan akhlak yang dituntut oleh iman itu sendiri<sup>26</sup>.

Penjelasan di atas menunjukkan bagaimana Allah menerangkan menerusi kisah-kisah silam yang telah menjadi sejarah berkenaan konsep pewarisan kuasa. Selain daripada nas-nas di atas terdapat banyak lagi nas di dalam al-Quran yang menjelaskan maksud pewarisan kuasa ini. Bahkan sejarah yang bertulis juga menunjukkan berkenaan realiti ini sehingga lahir pelbagai teori yang menjelaskan berkenaan jatuh dan banggunya sesebuah kerajaan dan tamadun manusia. Berhubung perkara ini, al-Quran menjelaskan bahawa kemenangan akhirnya berpihak kepada golongan beriman yang dilihat lemah pada peringkat awal. Ia berlaku secara beransur-ansur, bermula dengan kelemahan seterusnya sedikit demi sedikit bergerak ke arah kuat dan akhirnya berjaya menguasai semula puncak kuasa yang selama ini dikuasai oleh golongan yang tidak layak memegangnya. Perkara yang sama boleh dilihat terhadap kebangkitan politik Islam yang dibawa oleh Rasulullah. Bermula sebagai masyarakat yang lemah dan tidak mendapat perhatian oleh kuasa besar dunia, akhirnya menjadi kuasa politik yang dapat mengepalai kegemilangan sejarah dunia.

## **POLITIK DUNIA ISLAM HARI INI**

Politik menurut Kamus Dewan ialah ilmu (pengetahuan) berkenaan cara pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dan lain-lain). Ia juga meliputi segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain<sup>27</sup>. Manakala menurut Bahasa Arab ia adalah diambil daripada perkataan *al-Siyasah* yang memberi maksud *islah* dan *istislah*. Secara umumnya ia bermaksud mentadbir dan mengurus hal ehwal umat Islam sama ada berkaitan dunia dan agama. Perkataan politik dengan perkataan *siyasah* ini bukanlah perkataan yang asing dalam syariat Islam, bahkan terdapat nas yang menggunakan perkataan ini antaranya, sabda Rasulullah:

كانت بنو اسرائيل تسوسهم الأنبياء كلما هلك نبي خلفه نبي

Maksudnya:

“Adalah Bani Isra’il, mereka diurus urusannya oleh para Nabi. Setiap kali wafat Nabi yang memimpin mereka maka akan didatangkan Nabi yang lain”

(Fath al-Bari, Kitab Ahadith al-Anbiya’, Hadith No 3286)

---

<sup>26</sup> Rujuk al-Qurān, Sūrah al- A’raf, ayat 128.

<sup>27</sup> Kamus Dewan, (2005) Edisi ke 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1223.



Perkataan politik seperti di atas menunjukkan ia agak rapat dengan maksud kuasa atau *khalifah* sepertimana yang dikemukakan oleh al-Quran. Ini adalah disebabkan konsep dan kisah-kisah yang dikemukakan al-Quran dilihat berkisar dalam persoalan menjelaskan ciri-ciri pemegang kuasa, pertembungan dengan golongan yang berkuasa bagi membawa mereka kepada mengikuti *manhaj* yang sepatutnya dalam mengendalikan kuasa dan sebagainya. Dalam ertikata lain persoalan kuasa menerusi perkataan *khalifah* dan kisah-kisah para Nabi dan Rasul yang dikemukakan al-Quran adalah cenderung kepada maksud kuasa politik.

Berhubung politik dunia Islam hari ini pula, realiti yang berlaku menunjukkan bahawa politik dunia Islam berada dalam keadaan yang agak mencabar berikutan pelbagai situasi yang tidak menyenangkan. Antara situasi tersebut adalah pergolakan dalaman politik negara umat Islam seperti berlaku di Mesir dan Syria, kesatuan antara negara-negara umat Islam yang sangat rapuh, antara lainnya boleh dilihat menerusi isu Palestin yang tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada negara-negara Islam yang lain, kelemahan dunia Islam dalam politik antarabangsa sehingga hanya dikenali sebagai negara-negara yang mengikuti dan bukan diikuti sama ada dari sudut politik dan juga bukan politik. Perkara ini boleh dilihat menerusi keadaan yang berlaku dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri, iaitu tiada satu kuasa veto pun yang mewakili negara Islam. Di samping itu, situasi yang paling ketara sekali adalah dunia Islam rata-rata tidak menghayati cara berpolitik mengikut yang digariskan Islam itu sendiri, antaranya majoriti negara-negara Islam berpolitik dengan menggunakan sistem demokrasi yang begitu berbeza dengan sistem syura sehingga memberi ruang kepada perantikan pemimpin yang tidak menepati syarat-syarat kepimpinan dalam Islam serta tidak menegakkan syariah secara menyeluruh dalam konteks negara. Realiti yang boleh dilihat ialah sistem-sistem yang dilaksanakan di negara-negara Islam kebanyakannya divedok atau ditaja oleh pihak barat dan secara tidak langsung menolak sistem-sistem Islam itu sendiri. Contohnya sistem-sistem tersebut adalah seperti undang-undang, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Kesan daripada realiti politik dunia Islam di atas telah memberi kesan yang begitu ketara kepada wajah politik Islam dalam perspektif negara dan dunia, atau dalam erti kata lain, menerusi aspek *daulah* dan *khilafah*. Apa yang dapat dilihat hari ini, dunia Islam telah jauh ketinggalan dalam aspek-aspek yang menggambarkan kehebatan politik sesebuah negara seperti dalam aspek ekonomi, sosial, urustadbir negara, ketenteraan dan sebagainya berbanding negara-negara berpengaruh dalam dunia barat dan juga beberapa negara yang semakin meningkat maju di dunia sebelah timur. Sedangkan hakikatnya kebanyakan negara-negara Islam memiliki banyak faktor yang menggalakkan perkembangan aspek-aspek ini seperti mempunyai al-Quran, bahan-bahan mentah utama dunia seperti petroleum dan gas, penganut agama yang paling ramai serta mewakili pelbagai benua dan bangsa. Malangnya dengan urus tadbir atau pengurusan kuasa atau politik yang lemah maka itulah hasil yang dapat dipersembahkan untuk tatapan masyarakat dunia.

Antara perkara yang telah lama berlaku juga ialah dunia Islam sehingga hari ini lebih dikenali sebagai pengguna dan bukan sebagai pembekal kepada keperluan dunia, bahkan kebanyakan hasil bumi dunia Islam menjadi mangsa eksploitasi kuasa-kuasa besar dunia di kalangan negara-negara bukan Islam. Perkara ini diperkukuhkan menerusi maklumat yang

diperolehi daripada Economist Intelligence Unit's (EIU) pada 2005 yang menunjukkan bahawa negara yang diperintah oleh umat Islam didapati sangat ketinggalan dari sudut kualiti kehidupan<sup>28</sup>. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa daripada 111 negara yang disenaraikan, negara Islam yang menduduki aras tertinggi dalam kualiti kehidupan adalah pada kedudukan ke 36 iaitu Malaysia dan seterusnya Qatar berada dalam kedudukan ke 41. Ia menunjukkan bahawa negara Islam agak ketinggalan dari sudut kualiti kehidupan sepertimana yang diperolehi menerusi kajian ini. Antara lain perkara yang diukur dalam kajian ini adalah *material well-being*, kestabilan politik dan keselamatan negara, tahap kehidupan kekeluargaan, tahap kehidupan masyarakat, kedudukan iklim dan geografi, keselamatan pekerjaan, kebebasan politik dan kesaksamaan gender<sup>29</sup>.

Di samping itu, realiti agak ketara di negara-negara Islam pada hari ini adalah kerosakan dalaman masyarakat itu sendiri seperti kerosakan akhlak serta hilangnya kekuatan dan kehebatan yang pernah dimiliki suatu masa dahulu tanpa menafikan kerosakan lebih teruk berlaku di negara-negara bukan Islam. Dalam masa yang sama mereka lemah dalam berhadapan dengan masyarakat lain (selain Islam). Ciri yang disebutkan ini merupakan salah satu ciri masyarakat yang sedang jatuh tamadunya menurut Muhammad Haishur (1997: 209). Realiti Malaysia yang disebutkan sebagai sebuah model negara Islam contoh juga boleh dikatakan membenarkan hakikat bahawa masyarakat Islam sedang berada dalam kelemahan. Keadaan yang berlaku di sini menunjukkan bahawa masalah-masalah yang berpunca daripada kerosakan akhlak semakin berleluasa serta menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding beberapa tahun yang lalu<sup>30</sup>. Perkara ini diperkuatkan dengan laporan ibu pejabat polis Bukit Aman<sup>31</sup> yang menunjukkan bahawa sejak tahun 1987, peningkatan jenayah di Malaysia jauh lebih tinggi berbanding peningkatan populasi penduduk negara ini. Situasi umum yang dikemukakan di atas walaupun bukan merupakan gambaran keseluruhan masyarakat Islam di seluruh dunia tetapi ia boleh dikatakan sebagai gambaran umum masyarakat Islam yang boleh dilihat pada hari ini.

Antara kesan yang paling menonjol juga adalah kedudukan dunia Islam yang dilihat masih tidak bebas daripada belenggu penjajahan menerusi penjajahan bentuk baharu<sup>32</sup>. Sebagai contohnya negara Malaysia sendiri telah lama berada dalam belenggu penjajahan

---

<sup>28</sup> Walaupun kaedah pengukuran kualiti kehidupan ini masih boleh dipertikaikan disebabkan secara umumnya acuan dan contoh pengukuran mereka hanya berdasarkan persepsi barat.- Rujuk Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005, *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Yang Sempurna*, Cet. 2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h :25.

<sup>29</sup> Sumber: The Economist Intelligence Unit's quality-of-life index, The World in 2005, sila rujuk <http://www.mida.gov.my/beta/view.php?cat=58&scat=698>

<sup>30</sup> Antara lain sepertimana yang dilaporkan adalah peningkatan kadar jenayah indeks sebanyak 7.12% atau sebanyak 14,910 kes pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006. Keseluruhan jenayah yang membabitkan jenayah indeks yang dilaporkan pada tahun tersebut adalah sebanyak 224,298 kes. Antaranya ialah samun bersenjata api 7,067 kes, rogol 3,177 kes, mendatangkan kecederaan 6,806 kes, merusuh 2,608 kes, mencabul kehormatan 2,320 kes dan pemerasan 1,692 kes. : Sumber Utusan Malaysia, 9 Januari 2008.

<sup>31</sup> Mansor Sulaiman, (2001), *Praktikaliti Perlaksanaan Hukuman Hudud di Malaysia: Suatu Kajian*, h. 51-52.

<sup>32</sup> Penjajahan bentuk baharu adalah merujuk kepada penjajahan yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan selain ketenteraan. Antaranya adalah penjajahan menerusi perdagangan, serangan pemikiran menerusi media, budaya dan sebagainya. Ia semakin ketara selepas timbulnya era globalisasi yang menyaksikan seluruh dunia seolah-olah tiada sempadan dan tembok penghalang daripada dimasuki maklumat daripada dunia luar. Dalam masa yang sama juga ia menyaksikan tiadanya penghalang yang dapat menghalang dunia luar daripada menguasai maklumat negara tertentu. (Mohd. Noor, 2007)

berbentuk penguasaan negara ke atas negara secara fizikal dan selepas merdeka, kita dikuasai pula dalam bentuk penjajahan bentuk baharu. Perkara ini boleh dilihat antaranya menerusi kekuatan ekonomi dunia yang dikuasai oleh banyak negara yang terkenal dengan permusuhan terhadap Islam bahkan kebanyakan mereka juga merupakan bekas penjajah yang sama kepada dunia Islam sebelum ini. Golongan ini juga merupakan pencatur kepada media dan teknologi baru dalam dunia hari ini. Sebaliknya umat Islam, majoritinya merupakan khalayak pengguna produk dan teknologi golongan tersebut. Keadaan seperti ini secara tidak langsung mendedahkan dunia Islam kepada manipulasi penjajahan bentuk baharu. Begitu juga, suatu yang agak ketara, jati diri dunia Islam yang semakin terhakis sehinggakan dunia Islam dilihat seolah-olah menjadi 'pak turut' kepada kuasa-kuasa besar dunia yang hakikatnya kebanyakannya merupakan bekas-bekas penjajah mereka. Antara lain yang dapat dilihat ialah hampir keseluruhan dunia Islam tidak menjadikan Islam sebagai rujukan utama dalam pembangunan tamadun bahkan lebih cenderung menjadikan barat sebagai rujukan utama mereka (al-Qardhawi, 2002: 80). Caragaya hidup beragama mereka pula kebanyakannya hanya berlegar dalam lingkungan tatacara ritual yang tidak memungkinkan lahirnya keunggulan ilmu yang memiliki upaya mencetuskan tamadun baru. Dalam masa yang sama, mana-mana negara Islam yang cuba keluar daripada perhambaan ini akan dikenakan tekanan yang kuat daripada kuasa-kuasa besar ini meliputi tekanan ekonomi dan dilabelkan sebagai pengganas yang tidak boleh dibiarkan berkuasa. Inilah yang telah berlaku dalam sejarah politik moden dunia Islam hari ini seperti yang berlaku terhadap parti Islam di Algeria yang telah dinafikan kemenangan mereka dalam pilihanraya yang sah pada awal 90an, perkara yang sama pernah dilalui oleh Turki dan yang terkini berlaku di Mesir. Tidak dapat dilupakan juga apa yang telah dilakukan oleh kuasa-kuasa besar ini terhadap Iraq dan Afghanistan serta sikap *double-standard* mereka terhadap kedurjanaan Israel terhadap Palestin, begitu juga sikap yang sama mereka tunjukkan terhadap kedurjanaan musuh-musuh Islam membunuh umat Islam di Kasymir, Bosnia, India dan sebagainya.

## RUMUSAN

Berdasarkan konsep pewarisan kuasa yang diutarakan al-Quran serta realiti semasa yang berlaku dalam politik dunia Islam, boleh diandaikan bahawa dunia Islam hari ini sedang berada dalam keadaan dikuasai musuh. Ia boleh dilihat menerusi penguasaan musuh yang agak menyeluruh terhadap dunia Islam. Antara petunjuk yang utama adalah politik dunia Islam yang masih tidak bebas untuk melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh. Walaupun banyak negara Islam secara politiknya dipimpin oleh individu muslim, tetapi dari sudut peraksanaan syariat masih tidak dapat dilaksanakan. Ada juga negara Islam yang pemimpinnya bercita-cita melaksanakan syariat, tetapi terdapat banyak halangan yang menghalang perlaksanaannya seperti perlembagaan, kejahilan masyarakat, tentangan sebahagian besar rakyat khususnya golongan bukan Islam dan golongan sekular di kalangan muslim dan sebagainya. Secara umumnya, senario ini berlaku bukanlah secara spontan bahkan ia adalah hasil daripada perancangan jangka panjang yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam sejak lama dahulu. Perkara ini boleh diperhatikan menerusi agenda penjajahan musuh-musuh Islam terhadap Islam yang telah berjalan sepanjang ratusan tahun yang silam dan kemuncaknya ialah kejatuhan Empayar Othmaniah pada awal kurun ke 20. Walaupun begitu, realiti semasa juga menunjukkan bahawa

pertembungan antara Islam dan musuh Islam masih terus berlangsung dengan dilihat gerakan untuk menjulang Islam semakin bertambah kuat dari semasa ke semasa.

Selain itu, realiti semasa dunia pada hari ini yang menunjukkan berlaku kebangkitan Islam bukan sekadar di negara-negara umat Islam malahan turut berlaku di negara-negara kuasa-kuasa besar dunia yang bukan Islam. Data-data yang dipaparkan menunjukkan bahawa bilangan yang memeluk Islam di negara-negara tersebut meningkat dari hari ke hari sehingga menggusarkan sesetengah kerajaan negara tersebut. Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan buruknya Islam seperti peristiwa 11 September, pelabelan keganasan sebagai sinonim dengan Islam dan sebagainya yang diharapkan dapat menyampaikan mesej negatif berkenaan Islam dilihat tidak membuahkan hasil sepertimana diharapkan oleh musuh-musuh Islam. Kesemua ini menunjukkan sedang berlaku kebangkitan Islam serta terserlahnya bibit-bibit pembukaan kepada kemenangan Islam seperti dijanjikan dalam nas-nas berkenaan pewarisan kuasa.

Dua keadaan yang sedang berlaku serentak seperti dijelaskan di atas iaitu pertama keadaan Islam dan umat Islam berada dalam situasi ditindas manakala kedua berlaku kebangkitan dan sokongan yang meningkat secara sedikit demi sedikit di pihak Islam dan umat Islam dilihat sebagai suatu keadaan yang boleh dianggap unik. Walaupun begitu, jika dilihat menerusi perspektif nas-nas berkaitan pewarisan kuasa, ia menunjukkan apa yang dijelaskan nas-nas tersebut sedang diterjemahkan dalam realiti dunia hari ini. Dalam ertikata lain, konsep pewarisan yang memberi maksud mewarisi daripada generasi yang lain atau terdahulu menunjukkan bahawa, adalah tidak mustahil akan berlaku keadaan di mana kekuasaan dunia yang sedang berada dalam kekuasaan golongan bukan Islam hari (barat dan sekutunya) ini akan bertukar tangan kepada Islam dan umat Islam dalam sedikit masa lagi. Walaupun begitu, dengan mengambil kira maksud yang dijelaskan oleh nas-nas yang berkenaan, pewarisan ini tidak akan datang secara bergolek bahkan ia memerlukan kepada tahap kesabaran yang tinggi di pihak umat Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran yang merintanginya. Antara lain, umat Islam perlu menyediakan diri dengan segala persiapan yang melayakkan mereka untuk mengambil kuasa yang sepatutnya sehingga akhirnya kuasa berada di tangan umat Islam yang berkeelayakan. Perkara ini selari dengan kajian-kajian terhadap tamadun silam yang telah dilakukan oleh para ulama, antaranya Muhammad Somil (1986) yang menyatakan dalam tulisannya bahawa ketinggian kualiti manusia membawa kepada kehebatan sesebuah tamadun manakala kualiti manusia yang rendah memberi implikasi tidak bertamadun atau kehilangan tamadun itu sendiri.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, al-Quran telah memberikan panduan yang sangat jelas kepada manusia dalam menjalani kehidupan di atas muka bumi ini termasuklah dalam aspek kuasa dalam bentuk politik. Panduan yang diberikan Allah ini juga menunjukkan bahawa al-Quran merupakan suatu panduan yang relevan sepanjang zaman. Bahkan dalam konteks

perbincangan tulisan ini ia menunjukkan bahawa al-Quran telah menunjukkan panduan itu dalam bentuk kronologi yang boleh diketahui fasa-fasa yang sedang dilalui oleh umat Islam dalam pertembungan kuasa dengan musuh-musuh Islam. Apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam adalah mengikut panduan ini mengikut yang sepatutnya. Tindakan meninggalkan panduan ini dengan mengambil petunjuk yang lain adalah merupakan suatu perkara yang sangat merugikan.

Selain itu, perbincangan di atas juga menunjukkan bahawa perkara yang terjadi pada zaman ini merupakan perkara yang sama dengan apa yang telah dilalui oleh umat terdahulu yang telah melalui Sunnah Allah yang sama. Antaranya seperti yang dilalui umat Bani Isrā'īl pada zaman Ṭalūt sehingga mencapai kemuncak pada zaman Nabi Sulaimān. Begitu juga perjalanan hampir sama dilalui oleh Bani Isrā'īl pada zaman Nabi Ya'akūb sehingga membawa kepada zaman Nabi Mūsā dan seterusnya zaman Yūsya' Ibnu Nūn dan sebagainya. Dalam erti kata yang lain, semua yang berlaku ini adalah ibarat sejarah yang berulang. Oleh itu, sebagai umat Islam, ia menjadi suatu motivasi bahawa segala tekanan yang dihadapi oleh umat Islam dalam dunia hari ini bukanlah merupakan suatu yang tiada pengakhirannya. Walaupun begitu, sesuatu perlu dilakukan mengikut sepertimana yang telah ditunjukkan Allah menerusi al-Quran.

## RUJUKAN

- Al-Quran
- Abdul Rahman Ibn Ibrahim al-Matrudi. Al Insan (1990) Wujuduhu Wa Khilafatuhu Fi al Ard Fi Dau' al Quran al Karim, Cet. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Mawardi. *Al-Ahkam al-Sultaniyah li al-Mawardi*. <http://shamela.ws/browse.php/book-22881>. Tarikh site: 17-09-2013.
- Asqalani, Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar, al-, (1986), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Rayyan li al-Turath.
- °Alī Mūhammad Mūhammad al-Ṣallābī (1998) *Fiqh al-Tamkīn °Inda Daulah al-Murābitīn*, 'Ammān: Dār al-Bayariq Li al-Nashr.
- Dr. Yusuf al Qardawi (2002) *Ummatuna Baina Qarnain*, Cet. 2, Mesir: Dar al-Syuruq. Mesir.
- Farid Abd al-Khaliq (1998) *Fi al-Fiqh al-Siyasi al-Islami: Mabadi' dusturiyah: al-Syura, al-Adl, al-Musawah*. Cet. 1, Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Ibnu Kathir (1991), *Tafsir al-Qurān al Adzim*, c. 2, Damsyik: Dār al-Khair.
- Ibnu Taimiyah (1993) *al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'I wa al-Ra'iyah*, Cet. 2, Damshik: Maktabah Dar al-Bayan.
- Kamus Dewan, (2005), Edisi Ke 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mansor Sulaiman, (2001), *Praktikaliti Perlaksanaan Hukuman Hudud di Malaysia Pada Hari Ini: Suatu Kajian*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd. Noor Bin Omar (2007), *Penjajahan Bentuk Baru*, Dalam Berita Harian, 29-5-2007.
- Muhamad Haishūr, (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyam al-Hadhārat wa Suqutihā*, c. 1. Mansūrah: Dar al-Wafā'
- Qurṭūbī, Abū °Abdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī, al- (1987) *al-Jami° Li Ahkām al-Qurān*, Mesir: al-Hai'ah al-Maṣriyyah al-°Ammah Li al-Kitāb.
- Rāzi, al-Imām Fakhru al-Dīn, al- (544-603H). 1990. *al-Tafsīr al-Kabīr au Mafātih al-Ghaib*, c. 1, Beirūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah
- Said Qutb (1992), *Fi Zilal al-Qurān*, c. 17, Qahirah: Dar al-Syuruq.
- *Tanwir al Miqbas min Tafsir Ibni Abbas*, 1987, Lubnan: Dār al-Kutub al Ilmiyyah.
- The Economist Intelligence Unit's quality-of-life index, The World in 2005, <http://www.mida.gov.my/beta/view.php?cat=58&scat=698>
- Utusan Malaysia, 9 Januari 2008
- Wan Mohd. Nor Wan Daud (2005) *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Yang Sempurna*, Cet. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.